

22 APR 1996

Mahathir-Kerajaan

NEGARA MAJU AKAN ANGGAP KERAJAAN NEGARA KOMANWEL RASUAH

Oleh: Salbiah Said

MALTA, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu daripada cabaran utama yang akan dihadapi oleh negara Komanwel dalam milinium akan datang ialah anggapan di kalangan sesetengah negara maju kononnya kerajaan mereka berlebihan -- hanya merupakan sekumpulan pegawai yang mengamalkan rasuah.

Beliau berkata ada juga yang menganggap kerajaan-kerajaan Komanwel mengandungi ahli politik yang bertindak sebagai penghalang kepada kebebasan rakyat mereka.

Beliau berkata demikian dalam ucapan utamanya pada persidangan Persatuan Komanwel bagi Pentadbiran dan Pengurusan Awam (CAPAM) di St. Gorg Corintiija di sini hari ini. Persidangan dua tahun sekali itu akan berlangsung selama empat hari dan dihadiri oleh anggota-anggota dari 51 negara.

Perdana Menteri Malta, Dr Edward Fenech-Adami telah merasmikannya.

Dr Mahathir berkata semenjak beberapa dekad yang lepas mereka yang beranggapan begitu di negara-negara maju itu telah menyibukkan diri untuk mengurangkan kekuasaan kerajaan-kerajaan Komanwel.

"Contohnya, kuasa presiden dibatalkan oleh kuasa majlis perwakilan yang sebaliknya pula dikurangkan oleh kuasa-kuasa mahkamah melalui semakan kehakiman, walaupun rakyat yang memilih presiden dan para anggota perwakilan, mereka enggan mempercayai pemimpin-pemimpin kerajaan yang mereka sendiri pilih," kata beliau.

Satu lagi cabaran utama ialah kehadiran pusat-pusat kuasa yang baru -- badan-badan bukan kerajaan (NGO). Sesiapa sahaja boleh bertindak sebagai NGO dan dia akan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap hal ehwal kerajaan walaupun yang sebenarnya dia hanya mewakili dirinya sendiri.

"Terdapat beratus-ratus NGO yang perlu diberi perhatian. Para pentadbir menghabiskan masa mereka memberi perhatian kepada NGO, bantahan mereka dan selalunya penentangan mereka secara kasar," kata Dr Mahathir.

Yang mengatasi antara mereka ini ialah pihak akhbar, yang sekarang dipanggil media, orang perantaraan, para pentafsir.

Dr Mahathir berkata tidak sesiapa pun boleh mempertikaikan perlunya kebebasan akhbar tetapi kebebasan ini diukur dengan kekuatan penentangan media terhadap kerajaan yang memerintah.

"Media tidak akan dikatakan bebas kecuali mereka menentang kerajaan tanpa had, dan kesannya ialah untuk memaksa media memperkecilkan kerajaan, kuasanya dan programnya.

Walaupun kerajaan membuat sesuatu yang baik ataupun berjaya dalam satu-satu program, pihak media akan hanya mengutarakan aspek-aspek negatif untuk membuktikan yang ia mempunyai kebebasan. Yang sebenarnya ini mencerminkan pihak media tidak mempunyai kebebasan tetapi tidak pernah diambil peduli oleh mereka.

"Dan mereka dengan sengaja tidak menghiraukan hakikat yang mereka sebenarnya tidak bebas daripada pengawalan tuan-tuan punya pengarang atau wartawan dan prejudis kesukaan mereka sendiri."

Katanya dengan kuasa-kuasa ini berkumpul menentang kerajaan, adalah hampir tidak mungkin bagi kerajaan untuk berfungsi dengan berkesan dan menerajui negara. "Boleh jadi satu kerajaan yang lemah seperti ini baik untuk negara-negara maju di Barat," katanya.

Kerajaan yang tidak mempunyai kuasa, dan cara untuk menggunakannya, jika tidak dikuatkuasakan, maka kuasa itu akan menemui kegagalan dalam

sesebuah negara membangun.

Negara itu bukan sahaja tidak akan maju tetapi juga tidak akan stabil. Ini akan membawa kepada keadaan huru-hara dan rakyat akan menderita.

"Sekiranya kita melihat kepada beberapa negara membangun yang mempunyai kerajaan yang lemah, kita akan dapati negara-negara itu sudah tentu tidak boleh maju, mereka dipuji kerana mengamalkan demokrasi tetapi demokrasi yang bersifat anarki bukanlah lebih baik daripada anarki lain. Rakyat akan hilang kebebasan mereka."

Malaysia, kata Dr Mahathir, mendukungi demokrasi dan bukan anarki dan demokrasi bukan bertujuan mewujudkan kerajaan yang tidak boleh memerintah.

Kata beliau, kerajaan mesti memerintah negara dan ianya perlu menerajui dan mesti berkesan, ianya perlu mempunyai objektif dan bukan hanya setakat menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.

Sesebuah negara perlu dibangunkan dan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menjalankan pembangunan ini, katanya.

"Sementara kerajaan tidak boleh memerintah dengan kuku besi, ia juga tidak boleh mengambil hak-hak rakyat, rakyat pula sebaliknya tidak boleh mempernyahkan dan memperkecilkan kuasa kerajaan untuk memerintah.

Sekiranya kerajaan gagal, ianya perlu diturunkan secara demokrasi melalui pintu yang sama ianya dinaikkan iaitu melalui kotak undi. Menjatuhkannya dengan cara yang lain perlu disifatkan sebagai tidak demokratik dan perlu dihindarkan. Mereka-mereka yang menjatuhkan sesebuah kerajaan dengan cara-cara lain perlu menerima kejatuhan yang serupa apabila mereka menjadi kerajaan.

Untuk melaksanakan dasar-dasar dan program-program kerajaan yang dipilih, satu jentera pentadbiran yang berkesan adalah penting, yang perlu distrukturkan dengan baik untuk membolehkannya melaksanakan keputusan-keputusan kerajaan yang dipilih itu, kata beliau.

Untuk membangunkan sesebuah negara dan menguruskan kewangannya, pihak pentadbir perlu memahami keputusan-keputusan dan arahan-arahan badan pemerintah yang dipilih - iaitu Kabinet.

Perhubungan yang berkesan antara Kabinet dan pegawai-pegawai tinggi dalam pentadbiran perlu wujud, kerana sebagaimana yang selalu berlaku pentafsiran ringkasan ayat keputusan-keputusan Kabinet tidak mencukupi, kata beliau.

"Kerana tidak mendengar perdebatan sebelum keputusan itu dibuat, para pentadbir mungkin tidak bersetuju dengan keputusan itu atau salah mentafsirkannya, hasil akhirnya ialah satu kerajaan dengan pentadbiran yang tidak berkesan dan tidak berjaya.

Di Malaysia, mesyuarat-mesyuarat selepas mesyuarat kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri berkenaan, membolehkan keputusan-keputusan Kabinet dijelaskan dengan sepenuhnya kepada para pentadbir, kata beliau.

Di peringkat ini para pentadbir boleh meminta penjelasan atau pun menyatakan jika tidak bersetuju dan Menteri akan memberi penjelasan. Dalam proses ini satu persefahaman yang lebih baik akan wujud mengenai keputusan-keputusan yang dibuat dan pelaksanaannya akan menjadi lebih tepat dan positif.

"Tetapi pentafsiran yang salah juga boleh berlaku di peringkat bawahan. Perhubungan yang berkesan juga perlu wujud di peringkat bawahan dari pucuk pemerintah ini. Setiap individu dalam pentadbiran perlu memahami jadual kerja dengan baik, kedudukan dan tanggungjawabnya mengikut jadual itu dan bahagian kerja yang perlu dijalankan."

Dr Mahathir juga bercakap mengenai sosialisme and komunisme yang kata beliau, selepas 70 tahun, telah didapati kerajaan yang mengamalkan kedua-dua sistem ini tidak mendapat apa-apa keuntungan daripada perniagaan-perniagaan yang dimiliki kerajaan.

Bukan sahaja pengurusan kerajaan ke atas perniagaan-perniagaan ini

tidak dirangsang dengan keuntungan, pekerja-pekerja mereka juga enggan berkerja keras kerana tidak ada insentif. Sebaliknya pekerja-pekerja mengadakan mogok untuk mendapat gaji lebih walau pun perniagaan tidak mendapat keuntungan. -- BERNAMA

SAS WAT PR

C:\GB\CNS5517

ah bns